

**THE ROLE OF MOSQUE MANAGEMENT IN MOSQUE ENLIVENMENT BASED
ON THE CONCEPT OF RAHMATAN LIL 'ALAMIN**

**PERANAN PENGURUSAN MASJID DALAM PENGIMARAHAAN BERTERASKAN
KONSEP RAHMATAN LIL 'ALAMIN**

Mohd Ridhuwan Remlyⁱ, Faezy Adenanⁱⁱ & Siti Nor Azimah Sabaruddin^{iii*}

ⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam. ridhuwan@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia. arinaaqilah@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Pusat Asasi UiTM, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, 43800, Dengkil, Malaysia. sitiiazimah@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 1 June 2026

Revised: 30 June 2026

Accepted: 1 July 2026

Abstract	<i>The concept of Rahmatan Lil 'Alamin is a fundamental principle in Islam that emphasizes compassion, tolerance and universal well-being across religious, racial and cultural boundaries. In the contemporary context, the application of this concept is significant in mosque management as a centre for holistic ummah development. This study aims to analyse the role of the Rahmatan Lil 'Alamin concept in strengthening mosque management and its contribution to social development, education and community harmony. The study employs a qualitative approach through content analysis of the Qur'an, hadith and previous studies related to mosque enlivenment and the concept of mercy. The findings show that applying Rahmatan Lil 'Alamin values in mosque management can expand the function of mosques beyond places of worship to centres of education, welfare and social unity. In addition, mercy-based administration contributes to the formation of an inclusive, harmonious and prosperous society. Therefore, integrating Rahmatan Lil 'Alamin into mosque management is important in realising the role of the mosque as a competitive ummah development institution that remains relevant to contemporary needs.</i> Keywords: Mosque, Management, Enlivenment, Harmony, Ummah.
Abstrak	<i>Konsep Rahmatan Lil 'Alamin merupakan prinsip asas dalam Islam yang menekankan nilai kasih sayang, toleransi dan kesejahteraan sejagat merentasi batas agama, bangsa dan budaya. Dalam konteks semasa, pengaplikasian konsep ini amat signifikan khususnya dalam pengurusan institusi masjid sebagai pusat pembangunan ummah yang holistik. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan konsep Rahmatan Lil 'Alamin dalam memperkasa pengurusan masjid serta sumbangannya terhadap pembangunan sosial, pendidikan dan keharmonian masyarakat. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap sumber al-Qur'an, hadis serta kajian-kajian lepas berkaitan pengimarahkan masjid dan konsep rahmah. Dapatan kajian</i>

	menunjukkan bahwa penerapan nilai Rahmatan Lil 'Alamin dalam pengurusan masjid mampu memperluas fungsi masjid bukan sahaja sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat pendidikan, kebajikan dan perpaduan masyarakat. Selain itu, nilai rahmah yang diaplikasikan dalam pentadbiran masjid dapat menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang inklusif, harmoni dan sejahtera. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa pengintegrasian konsep Rahmatan Lil 'Alamin dalam pengurusan masjid adalah penting dalam merealisasikan peranan masjid sebagai institusi pembangunan ummah yang berdaya saing dan relevan dengan keperluan semasa. Kata kunci: Masjid, Pengurusan, Pengimarah, Keharmonian, Ummah.
--	---

PENDAHULUAN

Agama Islam sangat menitik beratkan soal kasih sayang kepada semua makhluk terutama sesama manusia. Kasih sayang sesama manusia ini bertepatan dengan maksud Islam itu sendiri. Perkataan Islam berasal dari kalimah salama yang membawa maksud sejahtera. Sifat kasih sayang atau rahmah ini banyak disebut dalam al-Quran dan hadis. Kalimah rahmah merupakan salah satu daripada nama-nama Allah SWT iaitu ar-Rahman ar-Rahim yang membawa maksud Maha Pemurah dan Maha Penyayang.

Umat Islam wajib membaca kalimah ini setiap kali dalam menunaikan ibadah solat lima kali sehari dalam surah al-fatihah. Ini menggambarkan bahawa agama Islam yang dianuti ini adalah sebuah agama rahmah iaitu mementingkan kasih sayang dalam segenap lapangan kehidupan seharian. Secara fitrahnya, dalam diri setiap manusia sudah wujud sifat dan perasaan kasih sayang.

Sifat kasih sayang ini perlu dipupuk dan diharmonikan dalam setiap lapangan kehidupan samada dalam sesebuah keluarga dan juga dalam kehidupan bermasyarakat. Bermula dengan sebuah keluarga, setiap individu dalam keluarga sudah tentu mengimpikan kebahagiaan dan keharmonian dalam berkeluarga.

PENGERTIAN RAHMAH

Perkataan rahmah berasal daripada bahasa Arab, iaitu daripada kata dasar *raḥima-yarḥamu*. Daripada kata dasar ini terbit beberapa bentuk kata nama seperti *raḥmah*, *ruḥm* dan *marḥamah*. Secara bahasa, rahmah membawa makna kelembutan (*al-riqqah*), keampunan (*al-maghfirah*), belas kasihan dan kasih sayang (*al-ta'attuf*). Menurut Ibn Manzur (1999), rahmah bermaksud *al-riqqah wa al-ta'attuf*, iaitu kelembutan hati dan belas kasihan. Ibn Faris (1979) pula menjelaskan bahawa akar kata ini merujuk kepada makna belas kasihan, kehalusan dan kelembutan hati.

Daripada akar kata yang sama juga lahir istilah *raḥim*, yang merujuk kepada hubungan kekeluargaan, ikatan persaudaraan dan pertalian kerabat. Hal ini menunjukkan bahawa konsep rahmah bukan sekadar menggambarkan perasaan belas kasihan, tetapi turut berkait dengan hubungan, tanggungjawab, pemeliharaan dan keprihatinan antara sesama manusia.

Dalam perbantuan bahasa Arab klasik, para sarjana membezakan makna rahmah apabila disandarkan kepada manusia dan apabila disandarkan kepada Allah SWT. Menurut Ibn Manzur (1999), al-rahmah yang disandarkan kepada manusia merujuk kepada *riqqat al-qalb wa 'atfih*, iaitu kelembutan hati dan belas kasihan.

Manakala al-rahmah yang disandarkan kepada Allah SWT merujuk kepada limpahan belas kasihan, kebaikan, ihsan dan rezeki-Nya kepada makhluk. Dengan kata lain, rahmah pada manusia lebih bersifat emosi dan moral, manakala rahmah Allah SWT bersifat sempurna, menyeluruh dan nyata melalui pemberian, pengampunan, perlindungan serta kesejahteraan kepada hamba-Nya.

Al-Raghib al-Asfahani (1992) menjelaskan bahawa rahmah dari sudut istilah ialah belas kasihan yang mendorong seseorang melakukan kebaikan kepada pihak yang dikasihi. Dalam keadaan tertentu, istilah ini boleh membawa makna belas kasihan semata-mata atau kebaikan semata-mata, bergantung kepada konteks penggunaannya. Justeru, rahmah bukan hanya merujuk kepada perasaan kasih, tetapi turut menuntut tindakan yang membawa manfaat, perlindungan dan kesejahteraan kepada orang lain.

Pandangan ini selari dengan penjelasan sarjana kontemporari yang melihat rahmah sebagai konsep Qurani yang luas dan multidimensi. Zaman (2025) menegaskan bahawa rahmah dalam al-Quran tidak wajar difahami secara sempit sebagai “belas kasihan” semata-mata, kerana ia turut merangkumi dimensi ketuhanan, hubungan sesama manusia, nikmat, hidayah dan etika sosial.

Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa rahmah berfungsi sebagai konsep utama yang berhubung dengan istilah lain seperti maghfirah atau keampunan, ni'mah atau nikmat, dan hidayah atau petunjuk. Dalam konteks kehidupan manusia, rahmah dapat dizahirkan melalui sikap lembut, empati, keprihatinan, komunikasi yang baik, kesediaan membantu dan tindakan yang membawa kebaikan.

Ab Hamid et al. (2023), misalnya, membincangkan konsep rahmah dalam kehidupan orang kurang upaya dan menekankan bahawa nilai ini berkait rapat dengan pendekatan belas ihsan, kebaikan dan penjagaan sosial. Usman et al. (2025) pula menunjukkan bahawa kasih sayang yang seimbang dalam keluarga Muslim dapat dizahirkan melalui kata-kata lembut, perhatian, komunikasi mesra dan tindakan yang membina hubungan harmoni.

Secara keseluruhannya, rahmah boleh difahami sebagai satu nilai kasih sayang yang berpaksikan kelembutan hati, belas kasihan, keampunan, ihsan dan tindakan yang membawa kebaikan. Konsep ini merangkumi hubungan manusia dengan Allah SWT serta hubungan manusia sesama manusia. Dalam Islam, rahmah bukan sekadar nilai emosi, tetapi merupakan asas pembentukan akhlak, keluarga, masyarakat dan kehidupan yang sejahtera.

KALIMAH RAHMAT DALAM AL-QURAN

Kalimah rahmat disebut sebanyak 300 kali dalam al-Quran dan ayat yang selalu didengari serta digunakan oleh kebanyakan masyarakat ialah pada firman Allah SWT:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ﴾

Maksudnya, “Dan tiadalah Kami mengutus kamu wahai Muhammad! melainkan untuk menjadi rahmat iaitu merupakan rahmat bagi semesta alam manusia dan jin melalui kerasulanmu” (al-Quran. Al-Anbiya’: 107).

Kalimah rahmatan lil alamin telah melalui pelbagai proses penafsiran dan perkembangan makna yang tersendiri. Namun begitu, konsep dan makna rahmatan lil alamin ini bersifat universal yang merangkumi seluruh kehidupan kemanusiaan secara adil dan saksama berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dalam Islam.

Rahmah dan kasih sayang yang dibawa oleh Islam adalah sesuatu yang mesti dinikmati oleh setiap makhluk. Ibn al-Jawzi (1987) menumpukan kepada olahan bahasa yang meneroka pemaknaan literal setiap perkataan berdasarkan konteks ayat dalam setiap surah. Setiap enam belas makna tersebut didatangkan contoh daripada ayat al-Quran sebagai rujukan penggunaannya dalam konteks yang tertentu.

Enam belas makna yang diberikan adalah (1) syurga, (2) islam, (3) iman, (4) kenabian, (5) al-quran, (6) hujan (*al-matar*), (7) rezeki, (8) nikmat, (9) kesihatan (*‘afiyah*), (10) pemberian (*al-minnah*), (11) kehalusan (*al-riqqah*), (12) pengampunan (*al-maghfirah*), (13) keluasan (*al-si’ah*), (14) kasih sayang (*al-mawaddah*), (15) pemeliharaan (*al-‘ismah*), (16) cahaya (*al-shams*).

Secara umumnya, kebanyakan pengertian bahasa yang ditampilkan oleh Ibn al-Jawzi menggambarkan sifat kasih dan rahmat yang dibawa oleh Allah dan RasulNya. Rahmah dari segi bahasa juga diertikan sebagai belas kasih, sifat sayang dan belas yang tinggi.

RAHMAH MENGIKUT TAFSIRAN ULAMA TAFSIR DAN HADITH

Berdasarkan kepada surah al-anbiya ayat ke-107 ini. Pelbagai tafsiran yang dikemukakan berkaitan dengan konsep rahmatan lil alamin dalam kalangan masyarakat. Persolan yang timbul ialah sejauh mana rahmah terhadap golongan bukan Islam dan rahmah terhadap orang yang melakukan dosa dan syariat Islam. al-Imam al-Tabari telah menukilkan berkaitan perselisihan ulama berhubung skop rahmah. Dalam merungkai persoalan ini, al-Tabari melontarkan persoalan: “Apakah rahmah ini hanya untuk Muslim atau mencakupi bukan Muslim?”.

Dalam memahami ayat 107 surah al-anbiya ini, Ibn Abbas menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan rahmah ke atas seseorang itu adalah sekiranya dia beriman kepada Allah dan Rasul. Pandangan ini dinukilkan al-Tabari di dalam tafsirnya yang menyebutkan:

{ عن ابن عباس رضي الله عنهما في قوله: وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ قال: من آمن بالله واليوم الآخر كتب له الرحمة في الدنيا والآخرة ومن لم يؤمن بالله ورسوله عوفي مما أصاب الأمم من الخسف والقذف }.

Maksudnya, “Daripada Ibn Abbas bahawa beliau menafsirkan ayat ini dan tidak kami utuskan engkau wahai Muhammad melainkan sebagai rahmat buat sekalian alam, Ibn Abbas berkata: Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Rasul, maka ditulis ke atasnya rahmah dia akan mendapat rahmah, dan sekiranya dia tidak beriman, dia akan terselamat (ditangguhkan) dari apa yang telah ditimpakan terhadap umat terdahulu daripada bencana”.

Daripada huraian yang dikemukakan oleh Ibn Abbas ini amatlah jelas bahawa pengetahuan rahmatan lil alamin yang dimaksudkan adalah berlandaskan prinsip keimanan seseorang kepada Allah dan Rasul. Prinsip keimanan ini merupakan aspek yang paling utama dalam konsep ini sekaligus menggambarkan bahawa keimanan adalah rahmat yang paling besar buat manusia.

Menurut tafsiran Ibn Abbas lagi, sekiranya mereka tidak beriman dan tidak bertaubat di atas dosa-dosa yang dilakukan, penangguhan azab di dunia ini adalah rahmat buat mereka dan mereka tidak akan terlepas dengan balasan di akhirat nanti. Menurut Muhammad Sayyid al-Tantawi (1992) menjelaskan bahawa antara tanda rahmah Allah SWT kepada manusia ialah dengan mengutuskan Rasulullah SAW kepada manusia, dengan tujuan untuk menyelamatkan manusia di dunia dan di akhirat.

Hal ini dapat dihuraikan lagi melalui dua aspek, iaitu akhlak Rasulullah SAW yang bersifat memberi rahmat serta syariat Baginda yang berasaskan rahmat. Dalam sebuah hadis diriwayatkan:

{ عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم: يا أيها الناس إنما أنا رحمة مهداة }

Maksudnya, *Daripada Abu Hurairah, Nabi SAW bersabda: “Wahai Manusia! Sesungguhnya aku ialah rahmat yang dihadiahkan kepada kamu”.*

Menurut Massofia dan Rahmawati (2023) rahmatan lil ‘alamin perlu difahami secara seimbang. Konsep ini membawa maksud rahmat kepada seluruh makhluk serta menuntut manusia saling menghormati bagi mencapai kesejahteraan hidup. Bustamam dan Hardivizon (2025) pula melihat rahmatan lil ‘alamin bukan sekadar konsep teologi, tetapi juga panduan praktikal untuk membina masyarakat yang adil, harmoni dan sejahtera melalui kerangka maqasid al-shariah.

PEMBINAAN MASJID SATU RAHMAH

Apabila berlakunya penghijrahan Rasulullah SAW dan para sahabat dari Kota Mekkah ke kota Madinah al-munawwarah, Baginda SAW singgah di Quba', di sini Baginda SAW dan para sahabat membina Masjid pertama dalam Islam yang dinamakan masjid Quba'. Manakala masjid ke dua dibina oleh Baginda SAW ialah masjid Nabawi sejurus tibanya di Kota Madinah.

Kepintaran dan kebijaksanaan Baginda SAW telah menggerakkan asas masyarakat baharu di Madinah. Ia telah menonjolkan kerahmatan Islam melalui peribadi dan teladan mulia, prinsip "walk the talk" diangkat selain menjulang tinggi semangat kasih sayang dan rasa kebersamaan. Ia menjadi asas kepada perkembangan dakwah serta membawa rahmat ke pelosok dunia (Ahmad Zarifi 2018).

Secara konsepsional dapat dilihat dalam sejarah bahawa masjid pada zaman Rasulullah SAW memiliki banyak fungsinya yang tersendiri sebagaimana yang dipraktikkan oleh Baginda Rasulullah SAW (Rozaini et al. 2014). Pembinaan masjid ini merupakan satu rahmah yang cukup besar kepada masyarakat Islam pada waktu itu. Dengan terbinanya masjid ini, maka bermula era baru dalam komuniti umat Islam pada ketika itu.

Rasulullah SAW dan para sahabat memaksimumkan institusi masjid sebagai pusat kegiatan umat Islam terutama dalam pelaksanaan ibadah serta pelaksanaan hukum-hukum Islam. Selain itu juga institusi masjid dijadikan pusat perbincangan, pendidikan, penyatuan ummah, siasah, sosial, mengukuhkan ekonomi Pembinaan Masjid Adalah Rahmahumat dan sebagainya. Umumnya institusi masjid pada zaman Rasulullah SAW merupakan sebuah pusat pentadbiran melalui pelaksanaan kepelbagaian fungsi yang berlandaskan syariat Islam (Abdul Razak et al. 2010).

Konsep masjid yang diimarahkan oleh Rasulullah SAW menitik beratkan dua perkara asas yang berkait rapat dalam kehidupan seharian manusia iaitu yang pertama memperkukuhkan keimanan kepada Allah SWT melalui pelaksanaan ibadah solat, penyebaran dan pendidikan Islam melalui wahyu yang disampaikan oleh Jibril a.s kepada Rasulullah SAW.

Manakala yang kedua mengimarahkan masjid sebagai pusat pentadbiran negara. Di sini berlakunya perhimpunan, perbincangan diplomatik, pengadilan, kehakiman, perlindungan kepada saudara-saudara Islam yang baru, tempat rawatan tentera-tentera dalam peperangan dan pusat tahanan tawanan perang (Sohirin 2008 & Mariam et al. 2014).

Menurut Mushaddad (2008), Nurzatatil & Hossein (2014) menyatakan konsep institusi masjid dengan kepelbagaian fungsi yang dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW membuktikan keupayaan institusi masjid menguruskan hal keagamaan (ukhrawi) dan juga hal keduniaan (duniawi). Kedua-dua hubungan ini berkait rapat dalam kehidupan seharian manusia di bumi ini. Penghayatan Islam melalui institusi masjid mampu mendidik dan membantu komuniti ke arah melahirkan masyarakat berilmu dan berakhlak mulia.

KONSEP RAHMAH DALAM PENGURUSAN MASJID

Dalam gagasan pentadbiran Islam di era Malaysia Baru menekankan konsep masjid rahmah yang memfokuskan ke arah meningkatkan kualiti pengurusan dan pengimarahkan masjid sebagai pusat kerohanian dan sosial kepada setiap lapisan masyarakat agar peranan masjid diperluaskan kepada menyantuni masyarakat Islam dan umat manusia seluruhnya. Konsep Masjid Rahmah bertujuan menjadikan institusi masjid mengikut arus pemodenan supaya tidak ketinggalan daripada kehendak semasa, namun tidak mengubah kerangka asalnya sebagai tempat beribadat (JAKIM 2019).

Gagasan rahmatan lil 'alamin secara khusus untuk pengurusan institusi masjid adalah 'Memacu Masjid Mengikut Acuan R.A.H.M.A.H melalui pengurusan qaryah yang efisien. Acuan R.A.H.M.A.H merupakan satu acuan yang mampu memperjelaskan kepada masyarakat berkaitan hala tuju pengurusan masjid dalam melaksanakan program-

program pengimarannya. R.A.H.M.A.H dalam pengurusan institusi masjid adalah seperti berikut:

RAMAH: Pengawai, AJK dan jemaah masjid membudayakan sifat ramah, ceria, mesra, mudah bergaul dan beradab sopan dalam menyantuni masyarakat majmuk yang terdiri dari pelbagai lapisan bangsa dan agama selaras dengan prinsip maqasid syariah.

AMAN: Masjid tampil sebagai pusat bimbingan, pusat penyebaran ilmu, pusat pendidikan yang aktif bagi mewujudkan suasana keamanan dan keadilan setempat (Centre of Peace and Justice) selaras dengan maqasid syariah.

HARMONI: Sesuai sebagai ruang yang memberi ketenangan, masjid perlu dipastikan mampu memberi suasana persekitaran yang harmoni, selesa, tenang dan nyaman. Ianya menuju ke arah status pengimaran masjid sebagai one stop centre dalam menjayakan aktiviti kemasyarakatan.

MESRA: Masjid dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan prasarana yang mesra pelanggan termasuk kemudahan OKU dan menyantuni orang bukan Islam sebagai tetamu, di samping aktif melaksanakan inovasi bagi memastikan keselesaan para jemaah dan masyarakat.

ALAMI: Mempraktikkan “Amalan Hijau” bagi menjamin persekitaran yang lestari, bersih dan selamat seperti penggunaan tenaga lebih cekap dan efisien, menguruskan penggunaan air yang berhemah, mengguna pakai bahan atau peralatan produk hijau selaras dengan prinsip maqasid syariah.

HORMAT: Masjid menjadi pusat peradaban dan pembinaan insan yang menjadikan akhlak Islam sebagai cerminan ajaran Islam yang sebenar dalam mengamalkan sikap hormat menghormati diantara anggota masyarakat berbilang kaum dan agama selaras dengan prinsip maqasid syariah (Aziz 2019).

Acuan R.A.H.M.A.H yang digariskan di atas dapat disimpulkan dan diaplikasikan dalam pentadbiran institusi masjid, seperti berikut:

Pengurusan Masjid yang Profesional dan Rahmah.

Pengurusan masjid yang profesional dan rahmah penting bagi memastikan masjid berfungsi sebagai pusat ibadah, pendidikan, kebajikan dan pembangunan masyarakat. Kepimpinan masjid seperti nazir, imam dan ahli jawatankuasa perlu melaksanakan amanah dengan cekap, telus, berintegriti dan mesra jemaah. Menurut Abu Bakar et al. (2022), integriti dalam tadbir urus masjid dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat serta mengurangkan konflik dalaman.

Profesionalisme pengurusan masjid merangkumi perancangan program yang tersusun, pembahagian tugas yang jelas, pengurusan kewangan yang telus dan penggunaan teknologi semasa. Menurut Jusoh et al. (2023), sistem pengurusan digital membantu masjid mengurus program pengimaran dengan lebih sistematik dan berkesan. Dari sudut rahmah, pihak pengurusan masjid perlu bersikap terbuka, berhemah, inklusif dan menghormati kepelbagaian ahli kariah. Menurut Aini dan Don (2025), pendekatan rahmatan lil ‘alamin menuntut sikap saling menghormati dan berhikmah dalam membina keharmonian masyarakat.

Selain itu, masjid perlu diperkasakan sebagai pusat kebajikan, pendidikan, ekonomi dan perpaduan komuniti. Menurut Abd Wakil et al. (2024), institusi masjid berpotensi menjadi pusat bantuan ekonomi umat Islam melalui zakat, wakaf dan program pemberdayaan masyarakat. Ismail et al. (2024) pula menyatakan bahawa

pengurusan masjid yang inovatif dapat meningkatkan penajanaan pendapatan dan keterlibatan komuniti.

Dapat disimpulkan bahawa pengurusan masjid yang profesional dan rahmah menuntut gabungan kecekapan pentadbiran, integriti, ketelusan, kemahiran kepimpinan dan nilai kasih sayang. Gabungan ini penting bagi menjadikan masjid sebagai institusi yang mesra masyarakat serta pusat pembangunan ummah yang berkesan.

Rahmah Terhadap Jemaah dan Kanak-kanak

Menurut Faisal & Firdaus (2018) faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada kekurangan kehadiran jemaah ke masjid ialah pentadbiran yang lemah dan ahli jawatankuasa yang dilantik tidak mesra Jemaah terutama kepada kanak-kanak yang datang ke masjid. Kehadiran mereka tidak disantuni dengan sebaiknya malah dianggap sebagai pembawa kekotoran kepada masjid.

Bersikap rahmah dan lemah lembut kepada jemaah masjid yang melakukan kesalahan ketika berada di masjid ini telah dipraktikkan oleh Rasulullah SAW. Hal ini berlaku apabila seorang lelaki Badwi berdiri dan kencing di masjid. Ini dinyatakan secara jelas dalam hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik:

{ قَالَ لَهُ إِنَّ هَذِهِ الْمَسَاجِدَ لَا تَصْلُحُ لِشَيْءٍ مِنْ هَذَا الْبَوْلِ وَلَا الْقَذَرِ إِنَّمَا هِيَ لِذِكْرِ اللَّهِ عِزِّ وَجَلِّ وَالصَّلَاةِ وَقِرَاءَةِ الْقُرْآنِ أَوْ كَمَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَأَمَرَ رَجُلًا مِنْ الْقَوْمِ فَجَاءَ بِدَلْوٍ مِنْ مَاءٍ فَشَنَّهُ عَلَيْهِ }

Maksudnya, “Rasulullah SAW pun menasihatinya, “Sesungguhnya masjid ini tidak boleh digunakan untuk kencing dan kekotoran, masjid adalah tempat untuk zikir, solat, dan membaca al-Qur’an.” Atau sebagaimana sabda Nabi SAW yang sesuai. Setelah itu, Nabi SAW memerintahkan seseorang untuk mengambil satu baldi air dan menyiramnya” (Hadis. Muslim, 2/133, no. 429).

Pendekatan yang sama perlu diterapkan terhadap kanak-kanak yang hadir ke masjid. Kanak-kanak tidak wajar dimarahi atau dihalau secara kasar kerana masjid sepatutnya menjadi tempat mereka mengenal ibadah, adab dan suasana berjemaah sejak kecil. Menurut Ibrahim et al. (2020), masjid tidak seharusnya dilihat sebagai tempat untuk orang dewasa dan warga tua sahaja, sebaliknya perlu berubah menjadi institusi yang mesra remaja dan belia melalui program yang sesuai dengan keperluan mereka.

Menurut Bakar dan Zulkifely (2025), masjid perlu menjadi ruang inklusif kepada kanak-kanak sebagai sebahagian daripada jemaah, namun masih terdapat cabaran dari sudut reka bentuk ruang, sikap sosial jemaah dan kelemahan pengurusan. Kajian tersebut mencadangkan agar masjid menyediakan ruang khas kanak-kanak yang selamat, pengawasan yang baik serta pengurusan yang responsif bagi menggalakkan kehadiran keluarga ke masjid.

Selain itu, program mesra kanak-kanak seperti bimbingan ibadah, aktiviti pembelajaran, ruang bermain terkawal dan penyeliaan semasa solat boleh membantu ibu bapa beribadah dengan lebih tenang. Menurut Md Reshad et al. (2025), program Qismul Aulad di Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Kuala Terengganu bukan sekadar menyediakan penjagaan kanak-kanak, tetapi turut mendidik mereka dengan adab, literasi al-Quran dan membiasakan kehadiran mereka dalam ruang masjid.

Pada penghujung 2019, tular hampir di seluruh media sosial dan media cetak berkaitan surat yang ditulis oleh adik Nadzrul Zarfan Sharul Azly menulis surat meminta penjelasan lanjut daripada imam, pengerusi serta ahli jawatankuasa surau yang menghalangnya daripada solat di saf hadapan (Harian Metro 2019). Hal ini turut mendapat perhatian Mufti Wilayah Pesketuan Kuala Lumpur dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mujahid Yusof.

Dalam hal ini Rasulullah SAW tidak pernah menghalang, memarahi ataupun meletakkan syarat-syarat mahupun undang-undang tertentu kepada kanak-kanak yang hadir ke masjid terutama apabila berada dalam saf solat bersama orang dewasa. Ini dijelas oleh Ibn Abbas:

{عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ قَالَ: أَقْبَلْتُ رَاكِبًا عَلَى حِمَارٍ أَتَانِ، وَأَنَا يَوْمَئِذٍ قَدْ نَاهَزْتُ الْإِحْتِلَامَ، وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي مَعِيَ إِلَى غَيْرِ جِدَارٍ، فَمَرَرْتُ بَيْنَ يَدَيْ بَعْضِ الصَّفِّ، فَتَزَلْتُ وَأُرْسَلْتُ الْأَتَانِ تَرْتَعُ، وَدَخَلْتُ فِي الصَّفِّ، فَلَمْ يُنْكِرْ ذَلِكَ عَلَيَّ أَحَدٌ}

Maksudnya, "Daripada Ibn Abbas katanya: "Saya datang dengan menunggang keldai betina, pada ketika itu saya belum lagi baligh (hampir baligh). Rasulullah SAW sedang bersembahyang dengan tidak menghadap dinding. Lalu saya, melalui di hadapan beberapa saf dan saya turun dan membiarkan keldai itu memakan rumput. Saya masuk ke dalam saf dan seorangpun tidak membantah saya".

Hadith ini secara jelas menggambarkan kepada kita bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk bersama-sama dengan orang dewasa untuk solat di masjid. Namun begitu, walaupun kanak-kanak dibenarkan berada di masjid terutama di dewan solat, ibu-bapa dan pengjaga haruslah mengawasi pergerakan anak-anak supaya tidak mengganggu ibadah jemaah yang lain.

Rahmah dalam Pengurusan Aktiviti Masjid

Pengurusan aktiviti masjid yang berteraskan rahmah perlu bersifat seimbang, inklusif dan memenuhi keperluan masyarakat semasa. Masjid tidak wajar tertumpu kepada aktiviti ibadah khusus semata-mata tetapi perlu diperluas sebagai pusat pendidikan, kebajikan, pembangunan belia, kekeluargaan dan kemasyarakatan. Menurut Ibrahim et al. (2020), pihak pengurusan masjid perlu merancang aktiviti yang lebih dekat dengan minat golongan muda seperti kelas bimbingan, program kepimpinan, sukan, kem ibadah, kemahiran diri dan aktiviti komuniti.

Selain itu, masjid perlu diperkasakan sebagai pusat pendidikan masyarakat. Menurut Ajmain dan Abdul Majid (2020), masjid sejak zaman Rasulullah SAW bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah, malah menjadi pusat ilmu, dakwah dan aktiviti sosial. Oleh itu, kelas pengajian agama, kelas akademik, kelas kemahiran, pusat bacaan dan program literasi digital boleh diwujudkan bagi menjadikan masjid lebih relevan dengan keperluan masyarakat kontemporari.

Dalam konteks kemasyarakatan, aktiviti masjid perlu meraikan semua lapisan masyarakat termasuk wanita, keluarga, kanak-kanak, warga emas dan golongan memerlukan. Menurut Majid (2021), institusi masjid sesuai dijadikan pusat tumpuan komuniti kerana kedudukannya dekat dengan masyarakat dan berpotensi menjadi platform penyampaian ilmu serta perkhidmatan sosial. Menurut Abas et al. (2025), masjid juga berperanan sebagai pusat ibadah, pendidikan dan pemangkin kesejahteraan komuniti secara holistik.

Pendekatan rahmah juga menuntut masjid bersifat mesra keluarga dan kanak-kanak. Menurut Bakar dan Zulkifely (2025), masjid mesra kanak-kanak memerlukan pengurusan yang responsif, ruang yang selamat dan kemudahan yang sesuai bagi menggalakkan kehadiran keluarga ke masjid. Menurut Md Reshad et al. (2025), program seperti Qismul Aulad bukan sekadar menyediakan penjagaan kanak-kanak, tetapi turut mendidik mereka dengan adab, literasi al-Quran dan membiasakan kehadiran mereka dalam suasana masjid.

Di samping itu, masjid boleh berfungsi sebagai pusat kebajikan, kaunseling dan sokongan sosial. Menurut Abdul Hamid et al. (2024), masjid berperanan sebagai agen sosial yang dapat memperkukuh solidariti dan kesejahteraan masyarakat melalui pendekatan tanggungjawab sosial. Justeru, pihak masjid boleh menyediakan khidmat

nasihat keluarga, bantuan kebajikan, ziarah komuniti, program kesihatan dan sokongan kepada golongan memerlukan.

Rahmah Dalam Pengurusan Kewangan Masjid

Pengurusan kewangan masjid yang berteraskan rahmah menuntut pentadbiran dana secara telus, amanah dan memberi manfaat kepada masyarakat. Dana masjid tidak wajar disimpan secara pasif semata-mata, sebaliknya perlu dimanfaatkan untuk program pengimarah, kebajikan, pendidikan dan bantuan kepada ahli kariah yang memerlukan.

Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2021), pengurusan kewangan masjid perlu dilaksanakan secara cekap, berakauntabiliti dan berpandukan garis panduan yang jelas bagi memastikan wang sumbangan masyarakat diurus dengan amanah. Hal ini penting kerana dana masjid datang daripada infak, sedekah, wakaf dan sumbangan orang ramai yang perlu dibelanjakan secara berhemah serta sampai kepada kumpulan sasaran.

Selain itu, pengurusan kewangan masjid perlu menekankan aspek ketelusan melalui rekod kewangan yang sistematik, pelaporan berkala dan pemantauan dalaman. Menurut Abu Bakar et al. (2022), integriti dalam tadbir urus masjid mampu meningkatkan kepercayaan masyarakat serta mengurangkan risiko salah guna kuasa dan konflik pengurusan. Kajian pengurusan dana masjid di Malaysia turut menegaskan bahawa aspek akauntabiliti dan ketirisan kewangan perlu diberi perhatian serius kerana ia melibatkan amanah awam.

Dari sudut pembangunan ekonomi, masjid juga boleh menjana dana melalui aktiviti yang patuh syariah seperti koperasi masjid, sewaan premis, wakaf produktif, perniagaan kecil dan program keusahawanan komuniti. Menurut Abd Wakil et al. (2024), institusi masjid di Malaysia berpotensi menjadi pusat bantuan ekonomi setempat melalui mekanisme zakat, wakaf dan sumbangan komuniti.

Penubuhan koperasi kariah masjid juga merupakan langkah strategik dalam memperkukuh ekonomi umat. Menurut Suruhanjaya Koperasi Malaysia seperti dilaporkan Bernama (2026), sebanyak 588 koperasi kariah masjid telah berdaftar di seluruh negara, menunjukkan potensi besar masjid dalam membangunkan ekonomi komuniti.

Koperasi masjid bukan sahaja dapat menambah dana masjid, malah boleh membuka peluang pekerjaan, membantu golongan memerlukan dan mengukuhkan hubungan antara pihak masjid dengan ahli kariah. Pendekatan rahmah dalam kewangan masjid juga dapat dilihat melalui agihan bantuan kepada golongan asnaf, miskin, musafir, ibu tunggal, warga emas dan keluarga yang ditimpa musibah.

Menurut Yaacob (2024), pengurusan masjid masa kini telah melaksanakan pelbagai inisiatif berbentuk kebajikan, sumbangan, kemudahan dan program komuniti bagi mendekatkan masyarakat dengan institusi masjid.

RAHMAH ANTARA KAUM MELALUI MEDIUM MASJID

Menurut Yahya dan Mahmood (2021), konsep rahmatan lil 'alamin dalam masyarakat majmuk perlu difahami secara seimbang, iaitu dengan mengekalkan prinsip Islam di samping mengamalkan keadilan, toleransi dan hubungan baik dengan bukan Muslim. Pendekatan ini penting kerana dakwah tidak hanya berlaku melalui kuliah agama tetapi juga melalui akhlak, kebajikan dan interaksi sosial yang baik.

Selain itu, masjid boleh menjadi medium dialog dan kefahaman antara agama melalui program lawatan, hari terbuka dan aktiviti komuniti. Menurut Aini dan Don (2025), kefahaman terhadap rahmatan lil 'alamin dan fiqh al-ta'ayush dapat meningkatkan kerjasama, penghormatan dan keharmonian dalam masyarakat plural. Oleh itu, penganjuran program bersama masyarakat bukan Islam di perkarangan masjid boleh dilaksanakan selagi tidak mengandungi unsur yang bercanggah dengan akidah dan syariat Islam.

Dalam konteks pelancongan masjid, institusi masjid juga berperanan memperkenalkan Islam kepada pelancong bukan Muslim melalui penerangan tentang sejarah, seni bina, adab masjid dan nilai Islam. Menurut Islamic Tourism Centre (2025) dan Islamic Tourism Centre (2026), program Mosque Open Day membuka ruang kepada masyarakat awam termasuk bukan Muslim untuk memahami fungsi masjid sebagai mercu tanda budaya, kerohanian dan perpaduan komuniti.

Di samping itu juga latihan Mosque Visit Guide turut menekankan keperluan pelawat bukan Muslim, etika di masjid, komunikasi dan asas perbandingan agama. Menurut Abd Khahar et al. (2025), toleransi agama dalam Islam perlu dibina atas asas pendidikan nilai, dasar yang inklusif dan kefahaman masyarakat terhadap realiti kehidupan berbilang agama di Malaysia. Pendekatan ini mampu menampilkan Islam sebagai agama yang membawa keamanan, kasih sayang dan keadilan kepada seluruh masyarakat selaras dengan prinsip rahmatan lil 'alamin.

ISU DAN CABARAN SEMASA DALAM PENGURUSAN MASJID BERDASARKAN KONSEP RAHMAT

Gagasan Rahmatan lil alamin memberi penekanan kepada Islam sebagai rahmat untuk sekalian alam dengan meletakkan ketinggian pada nilai keadilan dan toleransi sejajar dengan kehidupan masyarakat majmuk pelbagai agama dan bangsa di Malaysia. Namun begitu sikap toleransi yang terlalu tinggi menyebabkan timbulnya pelbagai isu-isu berbangkit yang menyentuh sensitiviti umat Islam di negara ini. Malah, penyelesaiannya kurang disenangi kerana lebih memihak kepada golongan tertentu seperti golongan liberal, sekular dan anti Islam.

Dalam ruang yang terhad ini, beberapa isu akan dinilai secara ringkas dari beberapa isu yang melibatkan sikap yang keterlaluan daripada golongan bukan Islam, golongan liberal dan golongan LGBT terhadap institusi masjid konsep rahmat di Malaysia. Berikut adalah antara beberapa isu yang boleh diselesaikan berdasarkan konsep rahmatan lil alamin:

Isu Pembesar Suara di Masjid

Isu penggunaan pembesar suara di masjid perlu ditangani secara seimbang antara memelihara syiar Islam dan menjaga keharmonian masyarakat setempat. Laungan azan merupakan syiar agama yang perlu dihormati, namun penggunaan pembesar suara untuk kuliah, bacaan al-Quran, zikir atau program tertentu wajar dikawal agar tidak mengganggu ketenteraman awam. Menurut Jabatan Agama Islam Perak (2025), penggunaan pembesar suara di masjid dan surau hendaklah dibuat secara berhemah supaya syiar Islam terus dimartabatkan dalam suasana harmoni.

Pendekatan rahmat dalam isu ini ialah pihak pengurusan masjid perlu peka terhadap suasana setempat, mendapatkan maklum balas jemaah dan penduduk sekitar, serta mematuhi garis panduan pihak berkuasa agama. Menurut Dewan Negeri Selangor (2023), penggunaan pembesar suara di masjid dan surau tertakluk kepada arahan dan pekeling pihak berkuasa agama negeri. Justeru, kesederhanaan dalam penggunaan pembesar suara bukan bermaksud melemahkan syiar Islam, tetapi mencerminkan kebijaksanaan Islam dalam meraikan kesejahteraan masyarakat.

Isu LGBT di Masjid

Dalam konteks kontemporari, LGBT difahami sebagai sebuah kumpulan atau gerakan yang aktif membantu dan memperjuangkan hak mereka dalam kehidupan masyarakat kini. Gerakan LGBT merupakan gerakan diskriminasi bentuk baru atas nama hak asasi. Mereka menggunakan Hak Asasi Manusia (HAM) untuk mempertahankan perbuatan mereka (Nor Hafizah 2016).

Dalam isu LGBT di masjid, telah wujud kebimbangan dalam kalangan golongan LGBT terhadap penggunaan masjid. Golongan ini telah menyuarakan pendapat melalui dalam sesi dialog Transformasi Nasional 50 (TN50) dengan golongan itu. Peserta dialog

itu antaranya membangkitkan cabaran mereka dalam mendapatkan bantuan kesihatan, insurans, hal ehwal gadaian, malah sukarnya untuk bersembahyang di masjid. (Malaysiakini 2017).

Pada 3 Februari 2020 kita di gemparkan dengan video dan gambar Nur Sajat atau Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman tular di media sosial sehingga mendapat kecaman pelbagai pihak susulan kontroversi jutawan kosmetik itu mengenakan pakaian jemaah wanita ketika di Makkah (Sinar Harian 2020).

Dalam mendepani situasi ini, institusi masjid perlu kekal sebagai institusi yang terbuka untuk membimbing semua lapisan masyarakat, termasuk golongan yang berdepan kekeliruan identiti, masalah akhlak atau pelanggaran syariat. Namun, keterbukaan ini hendaklah berasaskan adab masjid, hukum syarak dan garis panduan ibadah yang jelas. Rahmah dalam konteks ini bukan bermaksud mengiktiraf perbuatan yang bercanggah dengan syariat, tetapi memberi ruang nasihat, bimbingan, taubat dan pemulihan secara berhikmah.

Menurut Bernama (2025), institusi agama mempunyai peranan penting dalam melaksanakan program pendidikan dan bimbingan kepada golongan LGBT melalui pendekatan yang sesuai dengan tuntutan agama dan undang-undang sedia ada. Sifat rahmah Rasulullah SAW bukan sahaja tertumpu kepada sifat kelembutan, sifat kasih sayang, sifat toleransi dan sifat belas kasihan sahaja, malah sifat ketegasan dalam perkara-perkara yang melanggar syariat Islam adalah rahmah.

Begitu juga dalam membenters jahiliah juga termasuk dalam sifat rahmah. Dalam menangani isu LGBT ini, Rasulullah SAW telah mengambil pendekatan yang keras, tegas dan tanpa berkompromi dengan golongan ini, ini berdasarkan beberapa hadis seperti berikut:

{لَعَنَ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ قَوْمٍ لُوطٍ، لَعَنَ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ قَوْمٍ لُوطٍ، ثَلَاثًا}

Maksudnya, “Allah melaknat siapa sahaja yang melakukan perbuatan kaum Lut, Allah melaknat siapa sahaja yang melakukan perbuatan kaum Lut. Baginda mengulanginya sebanyak tiga kali”.

Menurut al-Imam Ibn al-Qayyim, Rasulullah tidak pernah melaknat pelaku dosa besar sebanyak tiga kali berturut-turut seperti yang dilakukan kepada pelaku homoseksual ini. Di sini jelas menampakkan ketegasan Baginda dalam menangani permasalahan ini.

Isu Membuang Daging Khinzir di Masjid

Pada awal Januari 2020 kita dikejutkan dengan penemuan cebisan daging khinzir yang sengaja dibuang di perkarangan Masjid Taman Satria Jaya, BDC, Kuching (BHarian 2020). Begitu juga pada 27 November 2018 juga ditemui cebisan daging dan tulang Khinzir oleh jemaah yang ingin menunaikan solat subuh di surau Serkam, Jasin dan turut ditemui cebisan daging khinzir di Surau an-Nur yang terletak kira-kira dua kilometer dari surau bukit serkam, Melaka (astro awani 2018).

Menurut Polis Diraja Malaysia (2018), Seksyen 295 Kanun Keseksan memperuntukkan kesalahan membinasakan, merosakkan atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat mengaibkan agama mana-mana golongan. Oleh itu, perbuatan mencemarkan masjid perlu disiasat secara tegas melalui saluran undang-undang kerana ia melibatkan kepentingan agama, keselamatan awam dan keharmonian sosial.

Walaupun kes ini telah disiasat di bawah Seksyen 295 Kanun Keseksan atas kesalahan mencemarkan tempat ibadat, namun ianya perlu dipandang serius kerana melibatkan isu agama dan menggugat keharmonian kehidupan bermasyarakat. Sensitiviti agama yang berlaku dalam masyarakat pada masa kini amat dibimbangi oleh semua kaum kerana konflik atau isu-isu yang menyentuh kesucian agama terutama agama Islam boleh mendatangkan perbalahan dalam masyarakat.

Dalam masa yang sama, pendekatan rahmah menuntut umat Islam supaya tidak bertindak secara terburu-buru, emosional atau membalas provokasi dengan kekerasan. Menurut Zainal Abidin dan Yusoff (2025), toleransi beragama dalam masyarakat majmuk perlu disertai sikap saling menghormati, memahami sensitiviti agama dan menolak tindakan yang boleh mencetuskan ketegangan antara penganut agama.

Menurut Nur Farhana dan Nur Syariah (2022), isu sensitiviti agama di Malaysia melibatkan perkara teologi, sosial dan simbol keagamaan yang mudah mencetuskan salah faham jika tidak diurus dengan cermat. Oleh itu, kes mencemarkan masjid perlu ditangani melalui gabungan tindakan undang-undang, pendidikan masyarakat dan dialog antara komuniti bagi mengelakkan prasangka serta ketegangan berpanjangan.

Menurut IKIM (2026), prinsip fiqh al-ta'ayush menekankan adab, empati, toleransi dan muhibah dalam mengurus kehidupan masyarakat pelbagai agama. Dalam konteks ini, rahmah bukan bermaksud berdiam diri terhadap penghinaan agama, tetapi bertindak secara tenang, adil dan berhemah tanpa menjejaskan prinsip mempertahankan kesucian Islam.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengurusan masjid berperanan penting dalam memperkukuh pengimarahannya institusi masjid berteraskan konsep Rahmatan Lil 'Alamin. Masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah, malah sebagai pusat pendidikan, dakwah, kebajikan, perpaduan dan pembangunan komuniti. Justeru, pihak pengurusan masjid perlu melaksanakan tadbir urus secara profesional, telus, inklusif dan berhemah agar masjid terus relevan dengan keperluan masyarakat semasa.

Konsep Rahmatan Lil 'Alamin menuntut pengurusan masjid menampilkan nilai kasih sayang, keadilan, toleransi, kebijaksanaan dan ketegasan yang seimbang. Pendekatan rahmah bukan bermaksud keterbukaan tanpa batas, sebaliknya suatu prinsip pengurusan yang berpaksikan akidah, syariah, akhlak dan kemaslahatan masyarakat.

Oleh itu, pengimarahannya masjid perlu dirancang secara menyeluruh dengan mengambil kira keperluan semua golongan termasuk lelaki, wanita, belia, kanak-kanak, warga emas, golongan memerlukan serta masyarakat bukan Islam dalam ruang interaksi sosial yang dibenarkan syarak.

Kesimpulannya, keberkesanan pengurusan masjid dalam merealisasikan konsep Rahmatan Lil 'Alamin bergantung kepada keupayaan kepimpinan masjid menggabungkan profesionalisme pentadbiran dengan nilai rahmah. Gabungan ini mampu menjadikan masjid sebagai institusi yang mesra masyarakat, berdaya saing, harmoni dan berperanan sebagai pusat pembangunan ummah yang seimbang antara tuntutan rohani, sosial, ekonomi dan kemasyarakatan.

RUJUKAN

- Ab Hamid, M. H., Tumiran, M. A., Adli, D. S. H., Zulkifli, M. Y., Mahaiyadin, M. H., Latiff, A. M. A., & Daud, M. Z. (2023). Determination of the concept of rahmah in the lives of persons with disabilities. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(11), e002587. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i11.2587>.
- Abas, N., Hashim, R., Ismail, Z., & Aminudin, Z. M. (2025). A study of mosques management and social contribution. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*.
- Abd Khahar, Y. M., et al. (2025). Principles and practices of religious tolerance according to Islam in the Malaysian context: A systematic literature review. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*.
- Abd Wakil, M. N., et al. (2024). Pemerkasaan institusi masjid sebagai pusat bantuan ekonomi umat Islam di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*.

- Abdul Hamid, M. S. (2024). Peranan masjid dalam memacu pemeraksanaan komuniti melalui pendekatan tanggungjawab sosial. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*.
- Abu Bakar, S., Abd Majid, M., Samsudin, S., & Mohamad Saleh, M. S. (2022). Nilai integriti dalam tadbir urus masjid. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 2(2), 36–50.
- Aini, Z., & Don, A. G. (2025). The idea of Rahmatan Lil ‘Alamin and its connection to fiqh al-ta’ayush in plural society. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*.
- Ajmain, M. T., & Abdul Majid, S. F. (2020). Masjid medium pendidikan membina masyarakat berakhlak. *Seminar Tamadun Islam*.
- Al-Asfahani, A. R. (1992). *Al-Mufradat fi gharib al-Qur’an*. Dar al-Qalam.
- Bakar, A. A., & Zulkifely, Z. A. (2025). Design and management challenges in creating child-friendly masjid: Parental perspectives from Malaysia. *Journal of Architecture, Planning and Construction Management*, 15(2), 231–240. <https://doi.org/10.31436/japcm.v15i2.1034>
- Bernama. (2025, December 15). Kerajaan fokus dakwah berimpak tinggi pada 2026. *Bernama*.
- Bernama. (2026, March 7). Lebih 500 koperasi kariah masjid berdaftar dengan SKM. *Bernama*.
- Bustamam, R., & Hardivizon, H. (2025). Implementing the values of Raḥmatan li al-‘Ālamīn through maqāṣid-based exegesis to achieve social justice. *Jurnal Ushuluddin*, 33(1).
- Dewan Negeri Selangor. (2023). *Garis panduan pembesar suara di masjid dan surau*. Dewan Negeri Selangor.
- Ibn Faris, A. (1979). *Mu’jam maqayis al-lughah*. Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-Azim* (Beirut: Dar alKutub al-Ilmiyyah, 1419H), 5/339
- Ibn Manzur, M. (1999). *Lisan al-‘Arab*. Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Ibrahim, M. I., Sahad, M. N., & Abdullah, S. (2020). Pembangunan remaja masjid masa kini: Satu tinjauan di Masjid Daerah Kinta, Perak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 168–183.
- Institut Kefahaman Islam Malaysia. (2026). *Fiqh ta’ayush: Rahsia harmoni Malaysia dalam bingkai kepelbagaian*. IKIM.
- Islamic Tourism Centre. (2025). *Experience Malaysia’s sacred spaces: Mosque Open Day returns as ITM 2025 centrepiece*.
- Islamic Tourism Centre. (2026). *Mosque Visit Guide training programme*.
- Ismail, Z., Hashim, R., Mohd Aminudin, Z., Saidon, J., & Zainudin, A. Z. (2024). Innovative mosque management activities for income generation and community inclusion. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 9(SI19), 131–136.
- Jabatan Agama Islam Perak. (2025). *Garis panduan penggunaan pembesar suara di masjid dan surau Negeri Perak*. JAIPK.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). *Garis panduan penyelarasan pengurusan kewangan masjid dan surau seluruh Malaysia*. JAKIM.
- Jusoh, M. S. M., Samah, M. N., et al. (2023). Sistem pengurusan digital program imarah masjid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*.
- Kamus Dewan. (1994). *Kamus Dewan* (Edisi ke-3). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalli, M. N. M., Rahman, N. N. A., & Abdullah, M. (2020). Rahmatan Lil ‘Alamin: Kerangka konsep keharmonian di Malaysia. *Sains Insani*, 5(2), 1–10.
- Al-Kubaysi, A. (2003). *Mawsu’ah al-kalimah wa akhawatuha fi al-Qur’an al-Karim*. Dar al-Ma’rifah.
- Majid, M. A. (2021). *Pelan strategik pengupayaan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti*. Jurnal YADIM.
- Malik, M. M. (2024). Mercy (Rahmah) as the prelude to Islam. *Prajñā Vihāra: Journal of Philosophy and Religion*, 25(1), 44–60. <https://doi.org/10.59865/prajn.2024.3>

- Md Reshad, H. F., Salleh, S. F., Ismail, S. K., Embong, R., Mohd Yusoff, Z., & Tengku Muda, T. F. M. (2025). Child-friendly mosque: The Ramadan Qismul Aulad program at Masjid Al-Muktafi Billah Shah (MAMBS), Kuala Terengganu in support of Tarawih. *International Journal of Research and Scientific Innovation*, 12(10), 3838–3848. <https://doi.org/10.51244/IJRSI.2025.1210000330>
- Md Reshad, H. F., Salleh, S. F., Ismail, S. K., Embong, R., Mohd Yusoff, Z., & Tengku Muda, T. F. M. (2025). Child-friendly mosque: The Ramadan Qismul Aulad program at Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Kuala Terengganu in support of Tarawih. *International Journal of Research and Scientific Innovation*, 12(10), 3838–3848. <https://doi.org/10.51244/IJRSI.2025.1210000330>
- Norizzah, B. (2016, July 26). Malaysia diiktiraf Destinasi terbaik pelancongan Islam. *Berita Harian*, p. 7. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/177233>.
- Al-Qardawi, Ghayr Al-Muslimin Fi Al-Mujtama' Al-Islami, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1992), 45-46.
- Said Hawwa, al-Asas fi al-Tafsir (Kaherah: Dar al-Salam, t.t), 7/3512.
- Al-Tabari, Jami al-Bayan (Muassasah al-Risalah, 2000), 18/552
- Ushama, T. (2021). Islam's rahmah (compassion) as applied by Hadrat Muhammad Rasulullah khatam un nabiyyin sallallahu 'alaihi wa 'ala alihi wa ashabihi wa sallam. *Hamdard Islamicus*, 44(2), 9– 35.
- Usman, A. H., Majid, M. A., Ali, A. W. M., & Murghayah, S. K. M. H. (2025). Nilai teladan ibu bapa berdasarkan kasih sayang dalam keluarga Muslim. *International Journal of Modern Education*, 7(24), 288–305. <https://doi.org/10.35631/IJMOE.724020>
- Yaacob, N. (2024). Peranan utama institusi masjid dalam pembangunan komuniti. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 4(2)
- Yahya, M. A., & Mahmood, A. Q. (2021). Application of the Rahmatan Lil Alamin concept in a pluralistic society during the Pakatan Harapan government era in Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 12(7), 49–52.
- Zainal Abidin, M. Z., & Yusoff, M. Z. (2025). Toleransi beragama: Asas keharmonian sosial dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *International Journal of Religion, Arts and Humanities*, 6, 15–38.
- Zaman, K. (2025). Semantic analysis of the word rahmah in the Qur'an: A thematic interpretation perspective. *JOIS: Journal of Islamic Studies*, 1(2), 68–77.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.